

TARIKH	11 / 11 / 2016	SEKSYEN	PENDIDIKAN
MUKA SURAT	52	RUANGAN	



(FOTO HAKIM ISMAIL/BH)



Seminar ini sangat membantu, rata-rata pelajar memberi maklum balas positif terhadap pengisian ilmu yang disampaikan penceramah"

Nik Nazatul Akmar Daud,
Guru SMK Lok Yuk, Kudat, Sabah

Norsaful A'dlan bersama-sama pelajar yang menyertai Seminar Bimbingan Peperiksaan SPM anjuran TH, di Kudat, baru-baru ini.

TH mahu pelajar di Kudat cemerlang SPM

➔ Seminar Bimbingan Peperiksaan SPM dedah banyak input positif

Oleh **Hakim Ismail**
upena@bh.com.my

➔ Kudat

Seramai 250 pelajar di daerah ini bertuah apabila terpilih menyertai Seminar Bimbingan Peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 2016 anjuran Kelab TaHa, Tabung Haji (TH), di sini baru-baru ini.

Timbalan Pengarah TH Sabah, Norsaful A'dlan Mohd Dimyati, berkata program modal insan yang diadakan itu bukan sahaja untuk membantu pelajar di luar bandar, sebaliknya mempersiapkan diri mereka bagi menghadapi peperiksaan SPM dengan lebih bersemangat.

Beliau berkata, seminar anjuran

Fakta nombor

3

SUBJEK

teras Sejarah Matematik dan Bahasa Melayu

250

PELAJAR

ikuti seminar

bersama BH yang buat kali pertama diadakan di Kudat itu diharapkan dapat membantu semua pelajar terutama mereka yang tinggal di kawasan luar bandar.

"Pelajar yang terpilih mengikuti seminar ini hendaklah berkongsi apa sahaja ilmu yang diperoleh bersama-sama guru dan rakan lain yang tidak berpeluang menyertainya.

"TH berharap semua pelajar dapat memanfaatkan setiap ilmu dan panduan pembelajaran yang diberikan sepanjang seminar ini untuk berjaya dengan cemerlang dalam SPM," katanya pada majlis perasmian seminar berkenaan, di sini.

Sangat membantu

Sementara itu, Guru Pengiring Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Lok Yuk, Nazatul Akmar Daud, berkata

buat kali pertama, calon SPM Kudat dapat mengikuti Seminar Bimbingan Peperiksaan anjuran TH dengan kerjasama BH yang banyak dipertakakan kerana sungguh menarik dan bermanfaat.

Katanya, pengisian seminar sungguh bermaklumat dan mantap selain pelajar dibekalkan dengan modul pembelajaran yang lengkap sangat membantu mereka dalam mempersiapkan diri menghadapi SPM.

"Penyampaian penceramah juga mudah difahami dan kebanyakan pelajar memberi respon yang amat baik serta mengharapkan seminar seumpama ini dapat diteruskan lagi pada masa hadapan supaya pelajar tingkatan lima tahun depan dapat mengikutinya pula," kata Nazatul Akmar.